

Dari Sebulan ke Sebulan

Dalam mesyuarat agung Jamiyah oleh suatu golongan, telah ditimbulkan cadangan bagi mengadakan perayaan Mawlid al-Nabīy (S.A.W) tahun ini dengan tidak lagi menganjurkan satu perjumpaan badan-badan bagi menubuhkan sambutan perayaan atas nama seluruh kaum Islam. Syor ini mendapat bangkangan yang hebat dari anggota-anggota Jamiyah sendiri tetapi apabila diundi maka diputuskan bahawa sambutan Mawlid Jamiyah tahun ini adalah diadakan atas nama Jamiyah sahaja – tidak di atas nama kaum Muslimin seperti yang biasa dijalankan pada tahun-tahun terdahulu.

Keengganan Jamiyah menganjurkan perayaan atas nama kaum Muslimin ini sudah tentu memberi peluang kepada lain-lain pertubuhan menganjurkan suatu perjumpaan kaum Muslimin bagi mengadakan perayaan Mawlid atas nama kaum Muslimin – tidak di atas nama pertubuhan seperti yang dikehendaki oleh Jamiyah dan dengan itu tertubuhlah suatu jawatankuasa kaum Muslimin dengan jempunan UMNO Singapura sebagai tuan rumah untuk mengadakan perjumpaan atas nama kaum Muslimin itu. Daripadanya timbul tuduh-menuduh bahawa perpaduan umat Islam sengahaja hendak dipecahkan.

* * *

Nampaknya kerana memandang kepada merbahayanya keputusan Jamiyah itu, Datuk al-Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff yang selalu menjadi Yang di-Pertua Jamiyah (dikecualikan beberapa kali) memandang akan “buruknya” keputusan Jamiyah itu lalu mengeluarkan suatu perisytiharan bahawa keputusan Jamiyah yang diambil itu adalah dalam masa ia tidak ada di sini dan kalau

hendak dirombak keputusan itu, kerana ia keputusan Mesyuarat Agung, maka hendaklah dipanggil suatu Mesyuarat Agung lagi, sedang masanya tidak mengizinkan. Beliau lalu seolah-olah memburuk-burukkan kesalahan itu diletakkan di atas Tuan Haji Wanjor, Setiausaha Jamiyah pada hal yang wajarnya, jika beliau menerima perlantikan menjadi Yang di-Pertua Jamiyah dan mengaku sebagai Yang Dipertua Jamiyah maka mestilah ia patuh kepada keputusan ramai, sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dan menjalankan keputusan itu. Janganlah ia berlepas diri daripada tanggungjawabnya dan meletakkan segala kesalahan-kesalahan itu kepada Setiausaha Jamiyah sendiri.

* * *

Seorang penulis di dalam akhbar tempatan di sini tatkala menimpakan kesalahan perpecahan di dalam Mawlid itu membebankan segala-galanya kepada Setiausaha Jamiyah dan membabitkan pula peristiwa-peristiwa bagaimana Jamiyah enggan menyertai Kongres yang dianjurkan oleh Pertubuhan Muslimin tempoh hari dengan alasan juga sebagai suatu langkah pemecahan perpaduan umat Islam. Orang yang mengikuti peristiwa itu tentu tidak sependapat dengan penulis itu kerana Pertubuhan Muslimin sendiri ditubuhkan adalah sebagai lawan kepada Jamiyah kerana orang-orang yang di dalamnya banyak yang tidak puas hati kepada Jamiyah. Langkahnya mengadakan Kongres semata-mata untuk da'ayah dan gembar-gembur sahaja yang terbukti hingga hari ini tidak satu pun daripada keputusan Kongres yang dapat dijalankan bahkan keadaannya seperti angan-angan Mat Jenin sahaja.

Penulis itu kemudian menyebut dengan keengganan Jamiyah mencampurkan diri ke dalam Kongres itu menjadikan Datuk al-Syed Ibrahim meletakkan jawatan daripada Yang Dipertua Jamiyah . Penulis ini nampaknya hanya mendengar-dengar sahaja pada hal pemberhentian Datuk al-Syed Ibrahim daripada Yang Dipertua Jamiyah adalah kerana tidak dapat patuh kepada keputusan Jamiyah bahawa beliau tidak diluluskan untuk membuka Kongres itu oleh jawatankuasa Jamiyah . Pada mulanya beliau sendiri patuh kepada keputusan jawatankuasa Jamiyah tidak menyertai Kongres anjuran Pertubuhan Muslimin itu.

* * *

Entah kenapa sebabnya penulis mingguan di dalam akhbar tempatan itu lalu mengatakan bahawa “Datuk al-Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff adalah nyawa kepada Jamiyah ”. Orang yang mengetahui perjalanan Jamiyah tentu tertawa kerana selama di dalam tangan Datuk al-Syed Ibrahim, Jamiyah al-Da’wah al-Islāmiyyah yang besar namanya itu sentiasa di dalam “nazak” - hidup segan mati tak mahu. Di dalam penyata Jamiyah tahun 1964 hampir-hampir tidak ada satu pun tersebut perkembangan yang disebutkan selain daripada mengadakan Mawlid yang dijadikannya penyata pada hal Mawlid itu adalah hak jawatankuasa kaum Muslimin sekalipun Setiausaha Tuan Haji Wanjor juga menjadi Setiausaha Jamiyah. Di sana berjela-jela masalah ucapan terima kasih kepada Datuk al-Syed Ibrahim yang membawakan wang al-Malik Faisal sebagai Raja Kerajaan Sa’udīah ‘Arabīyyah sebanyak lima belas ribu Pound yang akan dijadikan bangunan yang belum ada ketentuannya untuk Jamiyah atau pun lainnya yang nampaknya boleh dipandang akan dijadikan suatu pancingan atas sesuatu tujuan yang tidak begitu dapat jelas dipandang terutamanya apabila Datuk al-Syed Ibrahim sendiri sekarang tidak sebagai Datuk al-Syed Ibrahim

dahulu kerana beliau sekarang seorang asing dan menjadi diplomat rasmi bagi sebuah kerajaan asing di Singapura ini.

Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah di dalam penyatanya itu tidak sekali-kali menyebutkan perkembangan-perkembangan baharu, bahkan nampaknya mundur semakin mundur bahkan nampaknya sekarang menggantungkan harapan perkembangannya terutama di dalam kewangan daripada derma-derma mu’tamar al-‘Ālam al-Islāmiy di Sa’udīah ‘Arabīyyah yang disalurkan oleh Datuk al-Syed Ibrahim al-Sagoff. Dengan sebab inilah dikatakan oleh penulis itu Datuk al-Syed Ibrahim sebagai “nyawa” Jamiyah dan adakah dengan tidak ada Datuk al-Syed Ibrahim itu Jamiyah akan terlungkup? Mudah-mudahan tidak! Bahkan ada orang yang berkeyakinan kalau Datuk al-Syed Ibrahim berlepas tangan daripada Jamiyah mungkin Jamiyah akan subur dan akan terus menyiarkan da’wah Islam lebih luas daripada adanya Datuk al-Syed Ibrahim sebagai “nyawa” kepada Jamiyah.

* * *

Apabila Utusan Melayu terus-menerus menentang Lee Kuan Yew dengan PETIRnya maka Lee Kuan Yew naik marah dan meradang lalu menuduh bahasa kebangsaan tulisannya hanya Rumi semata-mata dan menuntut supaya Bahasa Melayu ditulis dengan Rumi – ertinya tulisan Jawi dihapuskan. Di dalam Kongres Bahasa yang pertama telah ditetapkan bahawa Bahasa Melayu tulisannya dua – boleh Rumi dan boleh Jawi – masing-masing hendaklah dipelihara. Bahasa Melayu hak orang Melayu. Orang bertanya mengapa Lee Kuan Yew campur. Orang Melayu tidak minta dihapuskan tulisan Cina dan Bahasa Cina yang tidak dimengerti oleh orang Melayu. Ini apa lagi kalau di dalam Perlembagaan Malaysia yang ditandatangani oleh Lee Kuan Yew sendiri masih terpampang dua huruf itu sedang



Peserta di dalam bahagian sedang merundingkan perkara-perkara yang mustahak menjadi perhatian dan panduan kepada penaja Kongres Ekonomi Bumiputera.

digunakan. Apa Lee Kuan Yew mahu?

Tun Razak, pemangku Perdana Menteri di dalam ucapannya di Merbau Pulas, Kuning, Kedah memberi amaran supaya jangan menyentuh Raja-raja Melayu, hak-hak istimewa orang-orang Melayu yang termasuk di dalam Perlembagaan.

Orang ramai telah banyak mendengar amaran dari satu amaran didatangkan tetapi amaran itu seakan-akan terletak di atas daun keladi – tidak meresap kepada yang berkenaan.

Buktinya kecerobohan masing-masing menjadi-jadi dan lidah bercabang makin dibuat-buat. Di sini memaki kemudian di sana memaki dan apabila timbul kemarahan orang ramai maka diputarnya lidahnya menafikan kononnya ia tidak berkata demikian dan demikian. Tetapi di televisyen orang melihat dengan mata dan juga mendengar dengan telinga akan lafaz-lafaz yang pedas dan memarahkan. Perkara ini seharusnya diperhatikan oleh Tun Razak dengan sifatnya sebagai

Pemangku Perdana Menteri dan melangkah dengan tegas serta dengan tidak segan-segan supaya jangan nanti baru bertindak sesudah orang ramai berang itu tidak dapat menahan kesabaran lalu bertindak dengan sendirinya. Orang bertanya, apa inikah yang dikehendaki oleh Kerajaan Pusat terhadap Lee Kuan Yew dengan PETIRnya?



SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU II

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada:-

QALAM

356/8 GEYLANG ROAD

Singapore 14.